

Nik Aziz dakwa pertentangan berpunca daripada UMNO

UM 16 JUL 2002

KOTA BHARU 15 Julai — Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mendakwa pertentangan Pas dan UMNO sehingga membawa kepada maki hamun berpunca dari keengganan UMNO menerima al-Quran dan Hadis sebagai dasar perundangan negara.

Menurutnya, perkara ini tercetus sejak awal penubuhan Pas pada tahun 1951 apabila parti itu meminta supaya perundangan yang berjalan di Malaysia berlandaskan kepada Islam.

"Ditulis dalam perlembagaan parti dan negara sumber utama perundangan ialah al-Quran dan Hadis.

"Ini kerana bumi ini kepunyaan Allah, manus ia, langit, alam sekitar dan semuanya kepunyaan Allah tidak boleh sesekali kita perintah mengikut sesuka kita yang disebut-sebut sebagai sekular atau demokrasi semua sekali itu," katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang ingin tahu apa sebabnya sehingga Pas membenarkan perbuatan pemimpin-pemimpin Pas memaki hamun dan mencarut.

Menurut Menteri Besar Kelantan itu lagi, perisytiharan Malaysia negara Islam belum cukup kerana ia tidak membawa apa-apa perubahan.

Nik Abdul Aziz berkata, selain itu tindakan UMNO menyerang Pas habis-habisan dengan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), melarang berceramah dan macam-macam lagi adalah antara sebab Pas bertindak demikian.

Katanya tindakan itu (maki hamun) bukan kemarahan peribadi orang Pas tetapi disebabkan UMNO terlalu menyerang Pas tidak secara demokrasi.

Bagaimanapun beliau berharap perkara itu tidak berterusan apabila UMNO menerima permintaan Pas supaya mengubah dasar sekular kepada al-Quran dan Hadis dan ketika itu tidak timbul masalah lagi.